

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah)

NAMA JAWATAN	PEGAWAI PENGUATKUASA
--------------	----------------------

Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Kumpulan Perkhidmatan	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
Klasifikasi Perkhidmatan	:	KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
Gred Jawatan	:	KP41
Jumlah kekosongan	:	SATU (1)
Jadual Gaji	:	RM 2,081.00 - RM9,547.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM225.00
Jabatan	:	PENGUATKUASAAN
Taraf Jawatan	:	KONTRAK BERWARAN

DESKRIPSI TUGAS

- Menyelaras dan membuat pengesanan terhadap Pentadbiran Am dan pelaksanaan aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang Jabatan di peringkat Cawangan/Unit Penguatkuasaan PBT serta membantu Pengarah dalam melaksanakan Pentadbiran Am Bahagian Penguatkuasaan.
- Bertanggungjawab ke atas Unit Tugas-tugas Khas yang berkaitan dengan Penguatkuasaan Undang-undang, Unit Perlesenan serta Unit Pendakwaan dan Kompaun.
- Bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan Parit & Bangunan (Akta 133) serta Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Kulim Kedah, Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan, mengurus, memantau, mengkaji segala aktiviti penguatkuasaan operasi, pendakwaan dan siasatan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41:RM2,081.00);atau
 - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis dan Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00);atau
 - (iii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM 2,285.00);atau
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41:RM2,387.21).
- (d) Syarat lantikan untuk kegunaan di Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia:
 - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Perikanan, Pertanian Hortikultur, Pemakanan atau Teknologi Makanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41:RM2,390.37);atau
 - (ii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah Ilmu Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,693.84).
- dan
- (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv. mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- i. mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas; dan

had umur pelantikan:

- . i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- . ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- . iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan hendaklah secara atas talian melalui pautan / link berikut :
<https://ikerja.kedah.gov.my>

- 2) Tarikh Tutup Permohonan: **23 JANUARI 2023**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.